



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA**  
(Department of Irrigation and Drainage, Malaysia)  
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**  
(Ministry of Natural Resources and Environment)  
**JALAN SULTAN SALAHUDDIN**  
**50626 KUALA LUMPUR**  
**MALAYSIA**



**Aduan Awam**  
**1 300 80 1010**

<http://www.water.gov.my>  
Email: [pro@water.gov.my](mailto:pro@water.gov.my)

Telefon: 03-2616 1500 Fax: 03-2698 7973, 2697 2412, 2697 2411, 2697 1025

( 10 ) dlm.PPS 10/4/2 BUB Jld. 8

5 Mac 2014

**Semua Pengarah Bahagian**  
**Semua Pengarah JPS Negeri**  
**Semua Jurutera Projek**

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING JPS BIL. 2/2014**  
**(Pindaan Ke Atas Lampiran A SP JPS Bil. 1/2012)**

**KEANGGOTAAN JAWATANKUASA PENILAIAN PERUNDING (JPP)**  
**PERINGKAT IBU PEJABAT**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Y. Bhg. Datuk Ketua Pengarah telah menandatangani Surat Pekeliling JPS Bil. 2/2014 – Keanggotaan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) Peringkat Ibu Pejabat pada 5 Mac 2014.

3. Bersama-sama ini disertakan satu (1) salinan Surat Pekeliling JPS Bil. 2/2014 untuk rujukan dan perhatian pihak Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

**(Sr. RATNA BINTI MAHYUDDIN)**  
**Pengarah Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak**  
**Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia**

- s.k :
- Ketua Pengarah JPS Malaysia
  - Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes), JPS Malaysia
  - Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar), JPS Malaysia
  - Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan), JPS Malaysia
  - Juruukur Bahan BUBPK / Bahagian Projek Khas



**JAYAKAN PERKHIDMATAN SEMPURNA**



**IBU PEJABAT JPS MALAYSIA**



**SURAT PEKELILING JPS Bil. 2/2014  
(Pindaan Ke Atas Lampiran A SP JPS Bil. 1/2012)**

**KEANGGOTAAN JAWATANKUASA PENILAIAN PERUNDING (JPP)  
PERINGKAT IBU PEJABAT**

**1.0 TUJUAN**

Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan pindaan ke atas senarai keanggotaan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) Jabatan Pengairan Dan Saliran bagi peringkat Ibu Pejabat.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Lampiran A Surat Pekeliling JPS Bil. 1/2012 bertarikh 31 Mac 2012 telah menetapkan Senarai Keanggotaan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) Jabatan Pengairan Dan Saliran bagi peringkat Ibu Pejabat dan Negeri mengikut had nilai Pihak Berkuasa Melulus (PBM)

- 2.2 Lampiran tersebut perlu dikemaskini bagi menambahkan keanggotaan ahli jawatankuasa demi memastikan kelancaran proses pelantikan perolehan perkhidmatan perunding.

### 3.0 PINDAAN YANG DIKUATKUASAKAN

Pindaan yang dibuat ke atas Lampiran A bagi Keanggotaan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) adalah seperti berikut:-

- 3.1 Pelantikan Timbalan Pengarah Kanan (Gred JUSA C), Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai Dan Zon Pantai (BPLSZP) sebagai:-
- 3.1.1 Ahli dalam mana-mana keanggotaan bagi JPP Peringkat Ibu Pejabat.
- 3.1.2 Pengerusi bagi JPP Peringkat Bahagian (bagi projek BPLSZP sahaja).

### 4.0 KUATKUASA DAN PEMBATALAN

- 4.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta. Dengan penguatkuasaan Surat Pekeliling ini, Lampiran A Surat Pekeliling JPS Bil. 1/2012 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“CINTAILAH SUNGAI KITA”**



**(DATUK Ir. HJ. AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)**  
Ketua Pengarah,  
Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia.

Tarikh: 5 Mac 2014